

04/01/1997

Mohon kerja menerusi Internet

Bakhari Ariff

BANYAK orang keliru dan menyamakan di antara Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), sedangkan kedua-duanya mempunyai perbezaan antara satu sama lain.

Bagi seorang pencari kerja iaitu mereka yang ingin berada dalam perkhidmatan awam khususnya mereka yang berkelulusan Sijil Tinggi Persekolahan (STP), diploma atau ijazah, SPA adalah satu organisasi yang bertanggungjawab mengambil pekerja.

JPA adalah organisasi yang bertugas merancang atau membuat dasar mengenai sesuatu pekerjaan dalam jabatan kerajaan manakala SPA melaksanakan atau mengambil pekerja baru.

Menjadi tanggungjawab SPA untuk mengurus pengambilan pekerja baru selain menjalankan temuduga dan seterusnya mengesahkan seseorang ke perjawatan tetap atau berpenčen.

Kewujudan SPA adalah sebagaimana yang dikehendaki oleh Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan. Ahlinya adalah dilantik oleh Yang Dipertuan Agong menurut budi bicaranya selepas menimbangkan nasihat Perdana Menteri dan berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Menurut Setiausaha SPA, Datuk Abdul Wahab Adam, ada tiga pejabat SPA iaitu di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu yang bertugas bagi pengambilan pekerja di Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Pulau Pinang iaitu SPA di bawah bidang Kuasa Persekutuan.

Abdul Wahab berkata, tugas utama suruhanjaya itu selain melantik dan mengesahkan, Ia juga mengurus pertukaran antara perkhidmatan awam seperti tukar daripada kerani kepada perkhidmatan pegawai penempatan.

Pertukaran biasa seperti pertukaran seorang jurutera di Kuala Lumpur ke Kota Bharu adalah tugas jabatan di kementerian masing-masing. Selain itu, SPA bertindak sebagai lembaga rayuan untuk kenaikan pangkat.

Mengikut Abdul Wahab, SPA akan melakukan beberapa perubahan penting terhadap perkhidmatan untuk diberikan kepada rakyat khususnya bermula tahun ini.

SPA akan mempergiatkan lagi usaha untuk mencapai hasrat kerajaan untuk mengurangkan penggunaan kertas serta mempersembahkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Penggunaan komputer khususnya ketika negara ingin mendirikan Koridor Raya Multimedia (MSC), SPA tidak mahu tertinggal ke belakang sebagaimana yang dihasratkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penggunaan halaman sendiri (homepage) membolehkan orang ramai mancapai sesuatu maklumat segera mengenai pekerjaan dan permohonannya sama ada dalam pertimbangan atau akan dipanggil untuk temu duga.

"Kita juga akan memperkenalkan Sistem Mengambil Sepanjang Masa (SMSP) bagi membolehkan pencari kerja hanya perlu mengisi satu borang sahaja untuk memohon 20 pilihan pekerjaan dalam tempoh setahun. Tahun berikutnya, calon terbabit hanya perlu membaharui kembali dengan hanya menulis surat dan mengemukakan kad pengenalan," katanya.

Graduan universiti atau kolej swasta di negara ini atau luar negara juga akan diizinkan untuk menghantar permohonan hanya melalui internet bagi menjimatkan masa dan meringankan tugas kakitangan SPA.

"Komputer di SPA akan ditambah kecekapannya serta kakitangan untuk menguruskannya supaya dapat melaksanakan kerja itu secepat mungkin. Kita yakin syarikat yang dilantik untuk menyempurnakan hasrat SPA itu dapat menjayakan program perisian komputer segera," katanya.

Abdul wahab berkata, beban tugas SPA untuk mengendalikan lebih 10,000 permohonan setahun dengan masa yang singkat, memberi idea kepada SPA untuk mencari kaedah lain untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

"Kerja SPA juga boleh dikatakan bermusim kerana ia memproses borang yang sama setiap empat bulan tetapi melalui kaedah SMSM sekurang-kurangnya kecepatan dan beban tugas dapat dikurangkan selain berjaya memberi perkhidmatan terbaik," katanya.

Menurutnya, penggunaan teknologi maklumat (IT) akan menjadi pemangkin utama terhadap perubahan SPA yang dilakukan.

Bank Data Berkomputer yang sudah dilaksanakan di SPA dan akan ditingkatkan lagi keupayaannya berikutan perkembangan terkini dalam bidang komputer. Pengurusan tanpa kertas akan menjadi antara ciri utama SPA pada masa akan datang.

Selain itu, hubungan antara SPA dan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri dapat ditingkatkan selain meningkatkan lagi hubungan dengan jabatan lain. Beliau berkata, persaingan dengan sektor swasta juga menjadi salah satu sebab untuk SPA melakukan perubahan bagi menarik lebih ramai calon berkualiti bekerja dengan sektor awam.

"Ketika negara sedang menikmati pertumbuhan ekonomi lapan peratus beberapa tahun kebelakangan ini, persaingan dengan sektor swasta semakin hebat tetapi kita tidak boleh menafikan ada calon mahu berkhidmat dengan kerajaan.

"SPA mengambil inisiatif melakukan beberapa perubahan bagi mendapatkan pekerja berkualiti yang sanggup berkorban untuk negara dengan memberi khidmatnya.

Tidak boleh dinafikan bahawa SPA sudah menolong berpuluh ribu rakyat negara ini untuk mendapat pekerjaan dengan Kerajaan Persekutuan. Malah secara umumnya SPA boleh dikatakan menjadi pengurus sumber manusia kerajaan.

Oleh itu, kini dan akan datang, SPA tetap dikenang kerana jasanya sebagai pemberi budi kepada rakyat kerana membuka pintu rezeki melalui peluang pekerjaan.

(END)